

26 SEP 2000

Mahathir-Wanita

PM RASMIKAN PERSIDANGAN KEDUA RSC-AP HARI INI

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan mesyuarat kedua Jawatankuasa Pemantau Kemajuan Wanita Luar Bandar dan Kepulauan Wilayah Asia Pasifik di sini hari ini.

Mesyuarat dua hari itu yang bertemakan "Wanita Luar Bandar dan Kepulauan: Kemiskinan dan Kekuasaan," bertujuan untuk meningkatkan usaha bagi kabajikan dan membasmi kemiskinan wanita luar bandar dan keluarga, di negara-negara anggota.

Dr Mahathir, dalam perutusan cenderahati, berkata sebagai pertubuhan yang bertanggungjawab bagi menyelaras dan menggembelng usaha untuk melaksanakan deklarasi sidang kemuncak Geneva, RSC-AP memainkan peranan penting sebagai pengantara antara kerajaan dan wanita luar bandar.

Memandangkan sumbangan wanita adalah penting bagi pembangunan negara, keperluan untuk meningkatkan pengetahuan berkaitan isu wanita adalah penting bagi membolehkan wanita luar bandar meningkatkan tahap kehidupan mereka, katanya.

"Wanita Malaysia bernasib baik kerana kedudukan sosio-ekonomi mereka telah bertambah baik berikutan dasar pembangunan kebangsaan," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata walaupun banyak yang perlu dilakukan, beliau yakin jika wanita komited untuk mencapai matlamat mereka akan berjaya membawa wanita luar bandar ke dalam arus pembangunan.

Beliau yakin mesyuarat itu akan menjadi forum untuk betukar-tukar maklumat dan pengalaman, bagi meningkatkan taraf kehidupan wanita luar bandar di negara-negara anggota.

Mesyuarat itu antara lain akan membincangkan kemajuan yang telah dibuat terutamanya dalam usaha meminta kerajaan memudahkan penubuhan program kredit mikro dalam institusi kewangan bagi wanita luar bandar.

Pertubuhan itu terdiri daripada isteri ketua-ketua negara dan ia telah ditubuhkan pada 5 Sept 1995, dengan objektif untuk memantau pelaksanaan pelan bertindak Deklarasi Geneva bagi pembangunan wanita luar bandar.

Pengerusinya Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berkata para peserta akan memberikan tumpuan kepada perancangan bagi meningkatkan tahap kehidupan wanita luar bandar melalui program kredit mikro itu.

Mesyuarat itu dihadiri oleh 150 peserta dari 16 negara anggota, termasuk Malaysia.

Antara yang hadir ialah wanita pertama Iran Zohreh Khatami Sadeqi, Usha Narayanan (India), Azadsurengiin Oyunbileg (Mongolia), Sehba Musharraf (Pakistan), Roslyn Morauta (Papua New Guinea) dan Thongvanh Siphandone (Laos).

Sementara itu Australia, Tonga, Filipina, China, Indonesia, Maldives, Uzbekistan, Krygyzstan dan Kazakhstan menghantar wakil khas ke mesyuarat tersebut.

Empat kertas kerja akan dibentangkan dan Dr Siti Hasmah akan membentangkan kertas kerja khas bertajuk "Konflik Bersenjata dan Kesan Perang Terhadap Wanita" pada hari terakhir persidangan.

Para peserta juga dijadualkan melawat Menara Berkembar Petronas dan lawatan lapangan ke kampung Kancong Darat di Banting, Selangor.

-- BERNAMA

HS NM MAM RI